

29/01/2005

Dr Mahathir kesal kuasa besar pilih perang

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, kesal kerana pemimpin kuasa dunia sekarang masih berfikiran kolot dan terus menggunakan peperangan sebagai kaedah menyelesaikan pertikaian.

Merujuk senario semasa politik antarabangsa, Dr Mahathir berkata, mereka juga terus berusaha mencipta senjata baru untuk membunuh sesama manusia dengan lebih berkesan, walaupun memerlukan belanja amat besar.

Lebih malang lagi, katanya, mereka berbangga dengan jumlah musuh yang dibunuh dan menganggap kematian orang awam sebagai kerosakan sampingan yang tidak dapat dielakkan walaupun mendakwa menggunakan senjata canggih yang tepat.

"Justeru, dunia memerlukan pemimpin yang memikirkan mengenai kemanusiaan, iaitu bagaimana untuk membantu mereka yang ditimpa malang seperti mangsa tsunami dan sebagainya, bukan untuk berperang.

"Kita patut memikirkan bagaimana untuk menyelesaikan masalah kemanusiaan bukannya membunuh lebih ramai manusia," katanya berucap pada majlis penghargaan kepada beliau oleh Kelab Rotary sempena sambutan ke-100 pertubuhan itu di sini malam tadi.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dianugerahkan 'Rotary Centennial Visionary Leadership Award' yang disampaikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Thailand yang juga bekas Presiden Rotary International, Bhichai Tattakul.

Hadir sama, isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Presiden Club Rotary Damansara-Barat, Yee Hun Leek.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berharap Kelab Rotary tidak hanya menumpukan usaha kepada kerja amal semata-mata, sebaliknya turut mendidik masyarakat mengenai nilai kemanusiaan.

Beliau yang pernah menganggotai Kelab Rotary berkata, dunia akan menjadi lebih aman jika lebih ramai orang belajar mengenai kemanusiaan, berbanding membunuh sesama manusia.

"Saya berundur terlalu awal. Jika saya terus berkuasa dan menjadi diktator, saya akan paksa mereka menyertai Kelab Rotary supaya mereka lebih menghargai kemanusiaan," katanya berseloroh.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, beliau berbangga kerana ada golongan muda di negara ini yang berusaha dan berkempen untuk keamanan dunia.

"Saya berharap mereka berjaya walaupun sebenarnya saya kurang yakin," katanya.

(END) Source : Berita Harian